



## KENYATAAN MEDIA

### KARNIVAL PENJANAKERJAYA MELAKA MENYAKSIKAN 1,073 CALON DIAMBIL BEKERJA SEPANJANG DUA HARI KARNIVAL

**MELAKA – Karnival PenjanaKerjaya ‘Melaka CareerTrans 2020’**, menutup tirainya pada petang ini, menyaksikan **1,073 calon ditawarkan pekerjaan** setelah menghadiri temu duga terbuka yang diadakan di karnival pekerjaan ini. Sementara itu, **812 calon berjaya ke peringkat temu duga kedua**, manakala **1,358 di dalam senarai pertimbangan (KIV)**.

Majikan yang menggajikan pekerja yang paling ramai adalah **Jabatan Perangkaan Negeri Melaka, MFS Technology (M) Sdn Bhd dan Mamee Double Decker (M) Sdn Bhd**.

Sejumlah **7,638 jawatan kosong termasuk 5,662 di Melaka** ditawarkan pada karnival yang berlangsung selama dua hari ini. Karnival ini merekodkan kehadiran **4,357 pencari kerja**.

Sebanyak **32 majikan dan 10 penyedia perkhidmatan latihan** dari seluruh negara telah mengambil bahagian dalam karnival yang dianjurkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah naungan Kementerian Sumber Manusia.

Karnival ini turut menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi pencari kerja, tawaran pekerjaan kepada golongan Orang Kelainan Upaya, perkhidmatan Saringan Kesihatan PERKESO dan pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri di bawah program PenjanaGig.

Karnival PenjanaKerjaya ‘Melaka CareerTrans 2020’ ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka pada 18 Ogos 2020.

Dato' Mohd Sahar bin Darusman, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO menyampaikan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan Karnival tersebut.

"Bagi pihak penganjur, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka yang prihatin, yang telah memberi kerjasama yang sangat baik dalam memastikan kelancaran program ini," kata beliau.

Beliau juga menyeru semua pencari kerja termasuk graduan, pekerja yang telah kehilangan pekerjaan dan sesiapa yang ingin mencari pekerjaan supaya mendaftar di **Portal MYFutureJobs** menerusi laman sesawang [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) di mana terdapat lebih daripada **150,000 kekosongan jawatan aktif**.

Orang ramai terutama pencari kerja boleh mengikuti senarai program-program temuduga terbuka yang diadakan oleh SIP PERKESO di bawah Program PenjanaKerjaya di laman Facebook EIS PERKESO.

PERKESO akan terus menganjurkan program seperti ini di setiap negeri bagi meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang telah kehilangan pekerjaan.

## **PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**19 OGOS 2020**